

BULETIN IGF

INFO GLOBAL FAMA


Bil. 2 / Edisi Jul - Dis 2016 / www.fama.gov.my
UNTUK EDARAN DALAMAN SAHAJA



PENJENAMAAN RAMBUTAN PREMIUM

LALUAN HASIL PETANI KE PERSADA
ANTARABANGSA

Ms 4



**PRODUK KAMPONG
KRAVERS SANTAPAN
SELERA DI AWAN BIRU**
Ms 5



**RANCANGAN TV
DAPUR BUJANG
LONJAK JENAMA
AGROMAS**
Ms 10



**POTENSI CERAH
PRODUK MALAYSIA
DI KOREA**
Ms 11



**EMPAT HARI DI
NEGARA AUSTRALIA
RAIH RM1.5 JUTA**
Ms 13

Perutusan Pengerusi FAMA



Assalamualaikum dan Salam 1 Malaysia

Terlebih dahulu saya memanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, kita dapat menerbitkan Buletin Antarabangsa FAMA (IGF) edisi ke dua. Buletin IGF ini memberi ruang untuk FAMA berkongsi maklumat berkaitan program antarabangsa yang telah dijalankan sepanjang bulan Jun hingga Disember 2016.

Tahun 2016 bakal meninggalkan kita. Sepanjang tahun 2016, FAMA boleh berbangga dengan pelbagai pencapaian dalam aktiviti dan strategi pemasaran buah-buahan yang telah dilaksanakan, antaranya pemasaran buah rambutan yang mendapat sambutan cukup baik yang telah dijalankan menerusi program seperti promosi buah Rambutan Anak Sekolah di Kiosk Lapangan terbang Langkawi dan di Singapura menerusi Agrobazaar Singapura dan juga Malaysia Festival 2016. Juga usahasama dengan pengedar untuk memperkenalkan buah durian Musang King di Sydney, Australia merupakan salah satu cara terbaik bagi mengurangkan persepsi negatif terhadap buah durian. Adalah diharap lebih banyak lagi buah-buahan berpotensi boleh diperkenalkan menerusi program sebegini yang boleh dijudualkan mengikut musim keluaran buah berkenaan. Saya juga berharap agar usahawan muda terutama dari program MyAgrosis akan dapat dilibatkan sama dalam program-program promosi antarabangsa seperti ini.

Saya mengucapkan tahniah kepada FAMA kerana terus menjadi tumpuan delegasi daripada luar negara. Kunjungan seperti wakil Senegal, wakil Yiwu, China dan Auckland, New Zealand berjaya membuka ruang untuk FAMA menjalinkan usahasama terutama dalam pembangunan pemasaran di negara tersebut.

Penyertaan FAMA di pameran luar negara wajar diteruskan pada masa akan datang kerana ini boleh dijadikan sebagai platform penting dalam mempromosi dan memperkenalkan pelbagai produk segar dan proses tempatan kepada pengunjung. Pasaran-pasaran yang diterokai seperti di Izmir dan Istanbul, Turki, Korea Selatan serta Nanning China, Melbourne Australia, memberi ruang kepada FAMA untuk memperolehi jaringan perniagaan dengan para peniaga daripada negara tersebut. Saya yakin masih banyak pasaran baru yang perlu diterokai bagi menggiatkan misi perdagangan antarabangsa pada masa akan datang dan membina lebih banyak jaringan perniagaan dengan negara luar.

Selain program-program promosi di dalam dan luar negara, program di kaca televisyen seperti program masakan Dapur Bujang perlu diperbanyakkan dan disuaipadankan dengan era digital pada masa kini dalam membantu meningkatkan lagi penggunaan produk tempatan dalam sajian harian.

Saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah atas pencapaian perkhidmatan FAMA di peringkat antarabangsa dan berharap kita akan terus meningkatkan azam dan komitmen untuk bersama-sama mempergiatkan usaha mencapai sasaran pembangunan subsektor agromakanan. Semoga tahun 2017, kita akan dapat terus melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan dengan lebih cemerlang.

Insyaa-Allah, segala perancangan, matlamat dan sasaran yang sama-sama kita buat akan tercapai dengan jayanya, Amin.

Terima kasih

YBHG TAN SRI DATU PADUKA HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULLIN
Pengerusi FAMA

Bicara Ketua Pengarah



Assalamualaikum dan Salam 1 Malaysia

Adalah menjadi tanggungjawab kita bersama untuk merealisasikan misi dan visi FAMA. Oleh itu, kejayaan FAMA melaksanakan pelbagai program di peringkat antarabangsa dengan jayanya pada tahun ini adalah amat membanggakan. Sekalung tahniah saya ucapkan.

Pelbagai program dan aktiviti telah dan akan dilaksanakan oleh FAMA untuk memperkenalkan dan menjual produk-produk agro makanan yang segar dan hasil Industri Asas Tani. Usaha meneroka pasaran baru perlu ditingkatkan di dalam era globalisasi ini. Pasaran-pasaran seperti di Turki dan di Korea Selatan, menyediakan banyak peluang kerjasama antara FAMA, pengeksport dan pengeluar produk tempatan dengan pengedar dan pengguna di negara tersebut.

Kehadiran wakil-wakil luar negara ke FAMA seperti negara Qatar, Senegal, China dan Nigeria juga menunjukkan kepercayaan negara luar kepada kaedah pemasaran produk pertanian di Malaysia.

Tahun 2017 merupakan tahun era digital yang pastinya akan melihat lonjakan lebih luas penggunaan promosi menerusi digital. Saya berharap kita dapat mencuba kaedah baru seperti menggunakan khidmat blogger-blogger yang berpotensi dengan ribuan pengikut untuk menjadi agen promosi FAMA. Penggunaan platform e-marketing seperti Agrobazaar Online perlulah di perluaskan dengan memasukkan maklumat berkaitan dalam setiap program antarabangsa yang disertai.

Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada Bahagian Pasaran Antarabangsa atas penerbitan buletin edisi kedua ini. Semoga usaha sebegini akan diteruskan bagi meningkatkan kesedaran pengguna terhadap program yang dianjurkan FAMA.

Terima kasih

YBHG DATO' AHMAD BIN HAJI ISHAK
Ketua Pengarah FAMA

Daftar Isi

2 PERUTUSAN KHAS

- Perutusan Pengerusi FAMA
- Bicara Ketua Pengarah

3 SEKAPUR SIREH

- Sekapur Sireh
- Sidang Redaksi

4 FOKUS PILIHAN

- Penjenamaan Rambutan Premium
- Laluan Hasil Petani Ke Persada Antarabangsa

5 USAHAWAN PILIHAN

- Produk Kampung Kravers Santapan Selera Di Awan Biru

6 USAHAWAN MUDA

- Muzairee Giat Pasarkan Coklat Ryverra Ke Persada Antarabangsa

7 BENCAN SANA SINI

- Rambutan Petani Baling Di Pasaran Luar Negara
- Plastic Container Jamin Kesegaran Rambutan

8 BENCAN SANA SINI

- Kunjungan Hormat Delegasi Senegal
- Kunjungan Delegasi Majlis Perbandaran Yiwu Bincang Peluang Pasaran

9 BENCAN SANA SINI

- Delegasi Maori Tertarik Kaedah Pemasaran Hasil Pertanian Malaysia
- Taklimat Kepada Kaunselor & Setiausaha Kedua Pertanian
- Taklimat Kepada Pesuruhjaya Perdagangan Matrade

Sekapur Sireh

KEPAYAHAN MELEPASI CABARAN 2016 AKHIRNYA CAPAI SASARAN

Tahun 2016 adalah tahun permulaan bagi Rancangan Malaysia Ke 11 (RMK 11). Ia merupakan tahun yang padat dengan program dan aktiviti bagi warga Bahagian Pasaran Antarabangsa, FAMA. Mandat dan harapan tinggi pihak kerajaan agar FAMA menggiatkan peranan lonjakan eksport produk Agromakanan keluaran petani dan usahawan Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) telah dicerminkan melalui bajet yang diluluskan. Program luar negara FAMA diberi peruntukan yang hampir tiga kali ganda melebihi tahun 2015.

Fokus FAMA banyak ditumpukan terhadap program promosi sokongan untuk memperkukuhkan pasaran Singapura dan peranan Agrobazaar Malaysia di Singapura (ABMS) sebagai pengimport dan pengedar produk Malaysia melalui pasaraya-pasaraya di Singapura bermula pada pertengahan tahun 2016. Ini termasuk menggiatkan pelaksanaan aktiviti State Plate untuk mempromosi sajian makanan popular / unik negara dan mempromosi produk keluaran PKS negeri-negeri sebelum diedarkan di Malaysia Halal Centre, Pasaraya Big Box untuk memperkenalkan produk halal Malaysia. FAMA juga bekerjasama dengan Pejabat Kaunselor Pertanian The Hague untuk mula mempromosi belimbing di Pasaraya ICA Maxi Sweden bagi membangunkan pasaran belimbing di negara Scandinavia yang berpotensi.

Bahagian Pasaran Antarabangsa juga telah menjayakan penyertaan FAMA dan usahawan dalam 18 pameran perdagangan dan pengguna di Singapura, Brunei, China, Hong Kong, Jepun, Korea Selatan, Dubai, Australia dan Turki. Empat pameran telah disertai di Singapura untuk menyokong pengukuhan pasaran di negara tersebut manakala penyertaan buat kali ketiga di Turki bermula tahun 2015 bertujuan mendapatkan maklumat awal trend permintaan, duti import, rangkaian logistik dan peraturan serta syarat-syarat pengimportan yang boleh dimanfaatkan oleh industri selepas perjanjian perdagangan bebas Malaysia-Turki ditandatangani pada tahun 2015. Usaha memperkenalkan dan mempromosikan buah-buahan dan produk Malaysia turut dijalankan dengan kerjasama pejabat Kaunselor Pertanian dan Kedutaan Besar Malaysia di luar negara. Buat pertama kali pada tahun ini, rakyat negara Turki dapat menikmati keenakan buah rambutan segar dan julungkali juga rambutan sejukbeku serta nangka sejukbeku disajikan kepada warga Santiago, Chile.

Promosi penjenamaan "Langkawi Grown Rambutan" yang berkualiti eksport kepada pelancong telah dijalankan pada bulan Ogos di Lapangan Terbang Antarabangsa, Langkawi. Lanjutan kepada program ini, FAMA akan melaksanakan hantaran percubaan eksport komersial rambutan segar ke China dengan kerjasama Jabatan Pertanian. Sumber bekalan akan diperolehi daripada Sri Aman, Sarawak yang melibatkan seramai 21 para petani rumah panjang.

Meski pun telah berhadapan pelbagai cabaran persekitaran ekonomi yang merosot sejak awal tahun, namun Alhamdulillah, secara keseluruhan, Bahagian Pasaran Antarabangsa telah berjaya mencapai sasaran kerja tahunan dengan pelaksanaan 28 program luar negara oleh Cawangan Galakan Pasaran Luar Negara dan 25 program lagi di bawah Cawangan Pembangunan Eksport.



Ini termasuk menganjurkan bengkel bagi meningkatkan kemahiran usahawan menyediakan dokumen eksport secara online. Seramai 419 petani dan usahawan di seluruh negara telah mendapat faedah pada tahun 2016.

Setinggi-tinggi penghargaan saya rakamkan kepada barisan Pengurusan Kanan FAMA yang menyokong segala usaha kami untuk menjalankan tugas. Terima kasih juga kepada wargakerja Bahagian Pasaran Antarabangsa yang bertungkus lumus menjayakan tugas pada tahun 2016 dan saya berharap semangat dan komitmen ini dapat diteruskan pada tahun 2017.

DATO' NAZIPAH JAMALUDIN

Pengarah Kanan Bahagian Pasaran Antarabangsa
Penasihat Buletin IGF

10 RENCAH SANA SINI

- Rancangan TV Dapur Bujang Lonjak Jenama Agromas
- Fasilitasi Pengeksportan Produk Sabah
- FAMA Promosi Buah-Buahan Dan Agromas Kepada Delegasi Luar Negara

11 AKTIVITI LUAR NEGARA

- Rambutan Diterima Baik Di Izmir, Turki
- Potensi Cerah Produk Malaysia Di Korea

12 AKTIVITI LUAR NEGARA

- World Food Istanbul Buka Tirai Pasaran Turki
- RM17 Juta Dalam Genggaman Di Hong Kong
- Kedutaan Malaysia Di Santiago Perkenal Rambutan Dan Nangka

13 AKTIVITI LUAR NEGARA

- Produk Malaysia Terbuka Luas Di Pameran Caexpo
- Empat Hari Di Australia Raih RM1.5 Juta

14 AKTIVITI LUAR NEGARA

- Durian Musang King Digemari Pengunjung Sydney
- Keenakan Durian Dinikmati Warga Hong Kong

15 AKTIVITI LUAR NEGARA

- Produk Agromas Kunjungi Pasaran Dubai
- Hantaran Percubaan Rambutan Sarawak Ke China Dirancang

16 AKTIVITI LUAR NEGARA

- Malaysia Halal Centre Di Hypermarket Big Box Singapura
- Keenakan Hidangan Terengganu Tambat Pengunjung Singapura
- Perolehi Lebih RM2 Juta Sertai Empat Hari Pameran

17 AKTIVITI LUAR NEGARA

- Rancang Luaskan Pemasaran Produk Agromas Di Indonesia

17 AKTIVITI BENGKEL

- Bengkel Retail Management Curah Ilmu Pada Peserta

18 CATATAN PERJALANAN

- Lawatan Empat Hari Ke Sabah Temui Produk Berpotensi

20 INFO PRODUK

- Produk Cheqna Mudahkan Tugas Memasak
- Akasia Minuman Yogurt Popular Sabah

21 INFO PRODUK

- Produk SHRF Sedia Dimakan
- Jenama Sudee Tembusi Pasaraya Mega

22 INFO BUAH-BUAHAN

- Keunikan & Kenali Raja Buah

23 KERATAN AKHBAR LUAR NEGARA

24 PROMO

Sidang Redaksi Buletin Info Global FAMA

PENAUNG :
DATO' AHMAD ISHAK
Ketua Pengarah FAMA

PENASIHAT :
DATO' NAZIPAH JAMALUDIN
Pengarah Kanan Bahagian Pasaran Antarabangsa

TEAM EDITORIAL :
NOORSHAM RAMLY
sham@fama.gov.my

SER TIAN SIN
tsser@fama.gov.my

MOHD RIDZUAN SIRUN
ridzuan_sirun@fama.gov.my

CHANG LEE NAM
inchang@fama.gov.my

ABD RAZZIF ABD RAZAK
abdrazzif@fama.gov.my

MUHAMMAD NOOR HAKIM ABDUL MANAF
hakim@fama.gov.my

MUHAMMAD NOR ABDUL MANAN
muhammadnor@fama.gov.my

MOHD SUKRI ABD RAHIM
msukri_rahim@fama.gov.my

SHAMSHUDDIN SABERI
shamshuddin@fama.gov.my

MOHD SYAHMI ABDUL RAZAK
mohdsyahmi@fama.gov.my



Penjenamaan Rambutan Premium Laluan Hasil Petani Ke Persada Antarabangsa



Pada bulan Ogos sehingga September 2016, pelancong dalam dan luar negara yang berkunjung ke Pulau Langkawi melalui Lapangan Terbang Langkawi, telah berpeluang menikmati keenakan buah rambutan hasil tanaman petani yang dianjurkan oleh FAMA.

Program yang dinamakan Jualan Promosi Khas Rambutan Langkawi, sempena musim rambutan di Langkawi itu di rasmikan oleh Ketua Pengarah FAMA Dato' Ahmad Hj Ishak .

“Lapangan Terbang Langkawi adalah satu-satunya lapangan terbang di pulau itu dan semua penerbangan antarabangsa serta domestik ke Langkawi beroperasi di sini. Selain itu, ia terletak di pulau utama (iaitu Pulau Langkawi) di Padang Matsirat, kira-kira 25 minit memandu jarak dari bandar ibu Kuah,” kata Dato’Ahmad di majlis Pelancaran Promosi Khas Rambutan Langkawi.


Menurutnya, aktiviti awal penjenamaan rambutan keluaran petani-petani Langkawi itu, mengambil contoh seperti yang dilakukan kepada buah kiwi New Zealand dan anggur California.

“Pelancong asing perlu didedahkan kepada khasiat dan informasi mengenai buah-buahan tempatan”, tambahnya lagi.

FAMA telah membuka kiosk penjualan rambutan di Balai Berlepas Antarabangsa, Langkawi memandangkan lokasi tersebut paling strategik. Kiosk berkonsep terbuka (Open Concept) berkeluasan 10 x 10 itu, dibuka waktu 10 pagi sehingga 8 malam. Kiosk yang menjual rambutan jenis Anak Sekolah ini menggunakan tary container (500 gm).

“ Sasaran kami dengan menubuh Kiosk Jualan Rambutan Premium di airport Langkawi dapat mewujudkan premium brand supaya dikenali di seluruh dunia. Langkah ini dilaksanakan agar dapat mencapai matlamat membina pasaran bagi rambutan Langkawi yang terkenal dengan kualiti dan identiti tersendiri sesuai dengan Tagline Langkawi Grown Rambutan yang diketengahkan semasa jualan promosi itu,” Dato’ Ahmad memberitahu.

Sehingga kini, terdapat dua kali penghantaran rambutan ke Singapura. Penghantaran pertama pada 10 Ogos dan kedua pada 12 Ogos 2016. Ternyata penghantaran percubaan rambutan yang pertama kali telah membuahkan hasil dan menerima reaksi positif daripada pembeli-pembeli tempatan negara Singapura selain kesegaran buah terpelihara dan dikekalkan. ■



Produk Kampong Kravers Santapan Selera Di Awan Biru

Meninggalkan tanahair untuk melancong ke luar negara walaupun sekadar beberapa hari sudah menerbitkan rasa rindu terhadap makanan asli warisan nenek moyang kita. Bayangkan, bagi mereka yang terpaksa menetap lama di bumi asing tentunya keinginan lebih dirasai terutama apabila mengenangkan sukarnya memperoleh juaah kampung di kawasan tempat tinggal masing-masing.

Situasi yang dialami anak perantauan itu telah membuahkan ilham kepada tiga rakan karib yang merupakan Pengasas Kampong Kravers, Puan Alya Abdullah, Puan Rossana Annizah Ahmad Rashid dan Cik Lyesha Maria Jamaludin menobatkan masakan tempatan ke persada antarabangsa. Sekali gus memberi kemudahan kepada masyarakat tempatan yang berada di luar negara menikmati makanan Malaysia.

“Saya dan rakan-rakan selalu ke luar negara dan kami teringin untuk membawa produk selera kampung masa ‘travel’. Akhirnya sebagai permulaan, kami menghasilkan karipap dalam bentuk dingin beku dan boleh dibawa ke mana-mana yang berintikan ayam, sardin, daging, ikan bilis serta kentang pada tahun 2009,” kata Pengarah Projek Kampong Kravers (M) Sdn. Bhd., Puan Fauziah Basarah.

Mulai tahun 2013, Kampong Kravers telah bergerak secara agresif bagi mengembangkan jenama perniagaannya dengan mempelbagai produk berasaskan makanan sejuk beku yang dipasar menerusi kiosk dan kafe Kampong Kravers, syarikat penerbangan, pameran makanan, pengeksportan serta tempahan daripada syarikat dan kafe ternama lain.

Aneka karipap sebagai ‘signature dish’, Kampong Kravers didatangkan dalam beberapa jenis iaitu ‘Oven Bake Premium Spiral Curry Puff’, ‘Deep Fry Karipap Kampung’ dan ‘Oven Bake Premium Short Crust’. Inti karipap juga selain yang asal sudah dipelbagaikan termasuk perisa durian, cempedak, cendawan, mayonis dan epal.



Rangkaian produk yang lain terdiri daripada aneka Pai, Croissant, Paf Mini, Pops Mini, Kek, Pes Nasi Kandar, Pes Masakan Dingin Beku dan aneka sambal dalam botol untuk jualan terus kepada pengguna seperti di pasaraya mega Cold Storage, Jason, Aeon Jusco Village dan Jaya Grocer.

Setakat ini terdapat tujuh buah kafe Kampong Kravers yang menjual aneka menu lazat dan produk belian, antaranya terletak di Institut Jantung Negara (IJN), Terminal Pelepasan Subang Skypark, Sunway Putra Mall, Empire Shopping Gallery, Subang Skypark, Atria Shopping Gallery dan Nu Sentral.

Paling membanggakan, produk Kampong Kravers kini boleh dinikmati di dalam penerbangan apabila dihasilkan khusus untuk makanan dalam penerbangan Firefly, Air Asia dan Malindo Air yang menjadi rakan strategik mereka selain syarikat ternama seperti Nestle, Unilever, Campbells dan Simplot.

Produk Kampong Kravers juga turut dipasarkan di luar negara seperti Singapura, Hong Kong dan China. Kini sedang dalam perancangan meneroka pasaran baru ke Netherlands dan Timur Tengah.

Produk Kampong Kravers turut dipasarkan melalui outlet Agrobazaar Malaysia Singapura (ABMS) dan Malaysia Halal Centre @ Hypermarket Big Box, Singapura.

“Kami tidak akan mampu pergi jauh tanpa bantuan banyak pihak terutama agensi seperti FAMA, MATRADE, MoF yang banyak membantu daripada segi pembiayaan dan membuka peluang-peluang pasaran lebih luas sehingga ke peringkat pameran antarabangsa,” kata Fauziah.

Jenama Kampong Kravers memiliki pelbagai kelayakan dan persijilan termasuk sijil Halal Jakim, MeSTI, HACCP, MOF, FDA, ISO22000 dan lain-lain sebagai jaminan kualiti, citarasa dan penjenamaan yang melayakkan untuk meluaskan pasaran ke peringkat global. ■



Muzairee Giat Pasarkan Coklat Ryverra Ke Persada Antarabangsa

Industri coklat secara global sememangnya dipelopori syarikat asing. Malahan jenama coklat yang menguasai pasaran tempatan, dikeluarkan oleh syarikat ternama antarabangsa. Namun kejayaan syarikat Ryverra Chocolate & Confectionary Sdn. Bhd dalam industri coklat telah membuktikan kehadiran usahawan bumiputera juga mampu bersaing dalam bidang penghasilan dan pemasaran coklat.

Segala-galanya bermula sekitar tahun 2006. Seawal usia 20-an, minatnya mula beralih dalam dunia perniagaan. Dalam mencuba-cuba berniaga dan mencari-cari bidang perniagaan bersesuaian, akhirnya menemukan Pengarah Urusan Ryverra, Encik Muzairee Daud, dengan perniagaan berasaskan coklat .

“Saya mula menjalankan perniagaan menjual Chocolate Fountain dengan menyewa beberapa kiosk. Apabila pasaran produk itu berkurangan, saya mula mencari-cari produk lain sebagai tambahan lalu mengambil produk coklat daripada pengilang. Akhirnya selepas melihat pasaran coklat diterima baik pengguna, saya mula mengambil langkah belajar membuat coklat di Lembaga Koko Malaysia. Semenjak itulah saya mengusahakan pembuatan coklat dan mengeluarkan sendiri sehingga kini,” katanya.

Coklat Ryverra mengkhususkan kepada pembuatan coklat, tempahan khas untuk korporat dan eksport. Syarikat ini menghasilkan coklat premium dan berkualiti dengan label pengesahan Halal. Satu lagi label Estana dihasilkan untuk memenuhi permintaan pasaran terbuka bagi pengguna seperti di pasaraya, cawangan bebas cukai, pemborong utama dan kedai cenderamata.

Di samping produk dalam bentuk coklat, pihak syarikat menghasilkan serbuk minuman coklat berkualiti premium, minuman coklat malt jenama Reevo dan serbuk minuman kopi segera yang lazat.



Rangkaian produk jenama Ryverra boleh didapati di rangkaian pasaraya hyper di AEON Jusco, Mydin, Tesco, pusat bebas cukai di KLIA, Pulau Langkawi dan sebagainya. Produk ini juga boleh didapati di butik coklat dan muzium coklat selain pameran antarabangsa MIHAS.

Menurut Encik Muzairee, di samping menawarkan kontrak perkhidmatan pengeluaran, pihaknya juga merupakan pengeluar jenama produk OEM. Dengan adanya pemilikan GMP juga, syarikat Ryverra Chocolate & Confectionary Sdn. Bhd menjamin proses pengilangan dan teknologi yang digunakan dalam pengeluaran produk memenuhi standard kawalan kualiti serta kebersihan yang ditetapkan.

Muzairee juga memberitahu, beliau merupakan usahawan bimbingan FAMA bermula tahun 2010 dan mengakui pihak FAMA banyak membuka jalan kepada syarikatnya dalam usaha melebarkan sayap perniagaan menembusi pasaran antarabangsa.

“Kami telah menyertai sekurang-kurangnya 15 pameran antarabangsa termasuk di China ASEAN (CAEXPO) 2015, Halal Singapore, 21st Maritime Silk Road Exhibition, Gulfood 2014 Dubai, Lulu Hypermarket, Dubai, Vietnam Expo 2012; SIAL Middle East 2014, Abu Dhabi, UAE, Western China International Fair, Chengdu, China, Saudi Food & Hotel 2013, Riyadh dan Camfood 2010, Phnom Penh, Cambodia,” akuiinya.

Walaupun pernah tertipu semasa menjalankan usahasama mengeksport produk, syarikat ini komited dalam meneruskan misi mengembangkan pemasaran dengan lebih meluas ke peringkat antarabangsa selain yang sedia ada di Singapura, China dan Arab Saudi.

Sepanjang lapan tahun berada di pasaran, Ryverra menerima pelbagai anugerah dan pencapaian, antaranya Anugerah Produk Terbaik tempat pertama kategori Konfeksi MAHA International Fair 2014, Anugerah Usahawan Coklat di Malaysia Cocoa Industry Award 2012, Pembungkusan Terbaik di Halal Fiesta 2012 (HALFEST), Anugerah Pencapaian Terbaik PUNB, 2011, Produk Terbaik kategori Konfeksi tempat pertama dan kedua MAHA International Fair 2010. ■



Rambutan Petani Baling Di Pasaran Luar Negara

Penghantaran rambutan ke luar negara khususnya negara Singapura telah dilakukan dengan jayanya. Penghantaran percubaan ini sempena kemasukan produk ke Agrobazaar Malaysia Singapura (ABMS) dan juga penyertaan FAMA dalam program Malaysia Fest 2016 di Singapore Expo pada 11-14 Ogos lalu.

Pemprosesan hantaran dilakukan di Pusat Operasi FAMA Daerah Baling, Kedah dengan melibatkan kakitangan FAMA Negeri Kedah, FAMA Daerah Baling dan Cawangan Eksport Ibu Pejabat FAMA. Jenis Rambutan yang difokuskan ialah Anak Sekolah dan Deli.

Sebelum penghantaran dilakukan, tatacara dan prosedur pengesportan telah dipraktikkan dari peringkat ladang sehingga penghantaran buah ke Singapura. Ini bertujuan memberi pendedahan kepada pegawai dan kakitangan FAMA berkaitan prosedur pengesportan dalam menghasilkan buah rambutan yang berkualiti dan premium, bersesuaian dengan permintaan luar negara.

Penghantaran rambutan ke negara Singapura telah dilakukan sebanyak dua kali iaitu pada 10 dan 12 Ogos 2016. ■



'Plastic Container' Jamin Kesegaran Rambutan

Dalam usaha meningkatkan kualiti dan pengenalan buah rambutan, penggunaan *Plastic Container* (500gm) dan pelabelan yang baharu telah dikuatkuasakan bagi penghantaran buah ke pasaran Singapura.

Dengan penggunaan *Plastic Container* ini terbukti dapat menjamin kesegaran dan ketahanan buah apabila sampai di negara itu. Penggunaan *Plastic Container* juga akan diperluaskan lagi bagi aktiviti penghantaran rambutan ke negara lain.

Manakala bagi pelabelan yang baru maklumat mengenai kesegaran buah rambutan Malaysia dan infomasi yang lengkap berkaitan buah termasuk cara-cara menikmati rambutan, senarai ramuan serta berat pembungkusan turut dipaparkan. ■



Kunjungan Hormat Delegasi Senegal

Pada 20 September 2016 lalu, pihak FAMA telah menerima kunjungan hormat delegasi *The Agency for the Development and Support of Small and Medium Interprises (ADEPME)*, disertai dua orang konsultan yang dilantik sebagai wakil kerajaan Senegal.

Kunjungan tersebut bertujuan mendapatkan pendedahan berkaitan pertanian dan teknik-teknik pembuatan produk oleh Perusahaan Kecil Sederhana (PKS), bagi merealisasikan pembangunan program-program pertanian dan PKS di negara tersebut.

Sempena lawatan itu, satu mesyuarat bersama delegasi yang diiringi Pegawai dari Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE), En. Azahar Mohamed telah diadakan di Ibu Pejabat FAMA. Taklimat ini telah disampaikan oleh Pengarah Cawangan Galakan Pasaran Luar Negara En. Noorsham Ramly. Hadir sama pegawai Bahagian Pemasaran IAT, Cawangan Komunikasi Korporat dan Bahagian Maklumat Pasaran FAMA.

Di samping itu, satu lawatan telah diatur ke premis syarikat Fatihah Frozen Food Sdn. Bhd. Dalam lawatan ini, delegasi telah diberi taklimat terperinci berkaitan teknik-teknik pembuatan makanan sejuk beku.

Pada 28 September 2016 pula, delegasi telah dibawa melawat pusat pemprosesan makanan FAMA di Rengit, Johor, bagi mendapat pendedahan secara lebih dekat tentang kaedah pemprosesan produk Agromas. ■



Pemberian saguhati produk Agromas kepada delegasi Senegal



Penerangan oleh pengusaha Syarikat Fatihah Frozen (Puan Fatihah) kepada delegasi



Penerangan Oleh En. Noorsham Ramly P(CPLN) kepada delegasi Small And Medium Development And Supervision Agency Of Senegal (ADEPME)



Kunjungan Delegasi Majlis Perbandaran Yiwu Bincang Peluang Pasaran



Pertukaran cenderamata kepada delegasi Yiwu

Satu sesi taklimat telah diadakan sempena kunjungan delegasi Majlis Perbandaran Yiwu, China bertempat di Ibu Pejabat FAMA, Selayang pada 2 September 2016. Taklimat telah disampaikan oleh Pengarah Kanan Bahagian Pasaran Antarabangsa Dato' Nazipah Jamaludin.

Matlamat kunjungan delegasi Yiwu bertujuan membincangkan peluang-peluang pengeksporan produk Agro Makanan bagi kedua-dua negara.

Delegasi Yiwu diketuai oleh Pengarah Majlis Perbandaran Yiwu, Wang Bi Rong. Turut sama dalam kunjungan ini, ialah wakil usahawan diketuai oleh Lin Ailing rakyat Malaysia yang bermastautin di Yiwu.

Sepanjang perbincangan, antara perkara penting yang disentuh adalah berkaitan prosedur dan syarat kemasukan produk Malaysia ke pasaran Yiwu bagi memudahkan laluan pengeksporan. Isu lain yang turut dibincangkan mengenai kemudahan logistik yang terdapat di Zon Perdagangan Bebas. ■



Sesi soal jawab di antara wakil delegasi Yiwu dengan Pihak FAMA

Delegasi Maori Tertarik Kaedah Pemasaran Hasil Pertanian Malaysia

Tarikh 30 Ogos 2016 lalu, Ibu Pejabat FAMA telah dikunjungi delegasi Maori Auckland New Zealand, yang diketuai Tepora Thompson-Evans. Kunjungan mereka telah disambut oleh wakil FAMA En. Chang Lee Nam dan turut serta wakil dari bahagian Pemasaran Industri Asas Tani (IAT) dan cawangan komunikasi korporat.

Antara perkara yang dibincangkan adalah peluang kerjasama dalam bidang pertanian seperti hasil laut bagi kedua-dua negara. Mereka di beri taklimat mengenai kaedah pemasaran produk agromakanan. FAMA turut berkongsi kejayaan dalam usaha memasarkan produk hasil pertanian Malaysia.

Diharap agar kerjasama ini dapat diteruskan untuk manfaat kedua-dua belah pihak terutama dalam pembangunan industri pertanian masing-masing. ■



Taklimat Kepada Kaunselor & Setiausaha Kedua Pertanian

Sempena perantikan baru kaunselor dan Setiausaha kedua Kaunselor Pertanian Luar Negara, satu taklimat mengenai peranan dan program luar negara FAMA telah diadakan bertempat di Ibu Pejabat FAMA pada 16 ogos 2016 lalu.

Taklimat ini telah disampaikan oleh Pengarah Cawangan Eksport En. Ser Tian Sin dan turut dihadiri wakil Persatuan pengeksport durian Malaysia dan Persatuan pengeksport buah - buahan Malaysia.

Kaunselor pertanian yang hadir ialah En. Yusmizam Yahya (The Hague), En. Mohammad Ezri Shamsudin (Bangkok) dan Puan Mutia Azura Mohamed (Sdney manakala Setiausaha kedua pertanian ialah En Mohd Nor Effendi Johari (Bangkok) dan Puan Farah Azfa Mohd Sapari (Beijing). ■



Taklimat Kepada Pesuruhannya Perdagangan Matrade

Satu taklimat kepada pesuruhannya perdagangan Matrade lantikan baru telah diadakan pada 7 jun 2016 bertempat di Ibu Pejabat FAMA. Taklimat yang diberikan adalah berkaitan peranan dan program luar negara FAMA yang disampaikan oleh Pengarah cawangan Eksport En. Ser Tian Sin. ■



Rancangan TV Dapur Bujang Lonjak Jenama Agromas

Dapur Bujang Ramadan 2016 yang disiarkan di Hypp Tv sebanyak 22 episod telah berjaya melonjak jenama Agromas sepanjang siaran bermula dari 6 Jun sehingga 5 Julai.

Rancangan masakan popular yang dihoskan Chef Fendi (bekas peserta Raja lawak) ini telah mengetengahkan lokasi projek utama FAMA seperti MyFarm outlet, Putrajaya dan Agrobazaar Kedai Rakyat (AKR), Shah Alam.

Konsep yang diketengahkan ialah menu bajet, ringkas dan enak khusus untuk golongan bujang bandar yang kesuntukan masa bagi menyediakan juadah berbuka puasa. Rancangan ini telah ke udara selama empat tahun di saluran Hypp Inspirasi.

Rancangan khas sempena bulan Ramadan ini telah ditonton oleh kebanyakan masyarakat di bandar-bandar besar dan ternyata berjaya memperkukuhkan penjenamaan produk Agromas. ■



Fasilitasi Pengeksportan Produk Sabah

Mesyuarat Fasilitasi Pengeksportan produk Sabah ke Singapura yang dipengerusikan Ketua Pengarah FAMA Dato' Haji Ahmad Ishak bertujuan menyelaraskan peranan dan fungsi agensi-agensi kerajaan persekutuan serta kerajaan Sabah dalam konteks pengeksportan produk Sabah ke Singapura.

Mesyuarat yang berlangsung pada 15 Ogos 2016, bertempat di Capri By Fraser, Kuala Lumpur membincangkan tentang pihak kerajaan Sabah untuk memenuhi syarat-syarat dan keperluan Eksport yang ditetapkan oleh pihak Agri Food and Veterinary Authority of Singapore (AVA), sebelum produk-produk tertentu dieksport ke Singapura.

Sabah mempunyai banyak produk-produk yang mendapat permintaan dan bernilai tinggi untuk dieksport ke Singapura. Produk-produk tersebut adalah ayam sejuk beku halal, daging sejuk beku halal, produk tenusu, makanan laut, sayur-sayuran, buah-buahan serta produk proses keluaran perusahaan kecil sederhana (PKS) Sabah. ■



Ahli mesyuarat bergambar bersama Ybhg Dato' ketua pengarah FAMA



Yh Dato' Nazipah memberi penerangan agenda mesyuarat



Ybhg Dato' ketua pengarah FAMA mempengerusikan mesyuarat

FAMA Promosi Buah-Buahan Dan Agromas Kepada Delegasi Luar Negara

Global Symposium On innovative Financial anjuran Bank Negara Malaysia (BNM) pada 21 hingga 22 September 2016 telah memberi ruang kepada FAMA mempromosikan pelbagai produk segar dan proses tempatan kepada pengunjung dari dalam dan luar Negara. Seminar ini telah dihadiri oleh 143 delegasi yang terdiri daripada Ahli Lembaga Pengarah Bank tempatan dan luar negara.

Sepanjang pameran, FAMA telah mempromosikan produk segar seperti Nangka Madu, Nanas MD2, Belimbing, Manggis, Dokong, Ciku, Rambutan, Buah Naga dan Rockmelon. Produk agromas turut dipromosikan kepada peserta seminar, antaranya White Coffee, Premium Coffe dan Teh Tarik.

Pengunjung juga turut berpeluang menikmati keenakan buah-buahan tempatan dan minuman jenama agromas yang disaji. ■



Pegawai petugas di tapak symposium bank negara



Sesi penerangan kepada delegasi luar



Ruangan display buah menarik kunjungan delegasi

Rambutan Diterima Baik Di Izmir, Turki

Berikutan berkuatkuasanya Free Trade Agreement (FTA) pada 1 Ogos 2015, FAMA telah menyertai pameran Izmir International Fair 2016 atas jemputan kerajaan Turki pada 26 hingga 31 Ogos.

Misi penyertaan ini untuk mendapatkan maklumat mengenai potensi pasaran dan permintaan terhadap buah-buahan tropika serta produk agromas.

Sepanjang pameran, FAMA turut menjalankan kajian ujirasa dan penerimaan pelbagai produk agromas seperti white coffee 3 dalam 1, ubi kayu, seri kaya madu, jem buah-buahan, bubur nasi segera dan mi segera. Manakala sampel ujirasa buah-buahan tropika yang dibawa adalah rambutan, nanas MD2, dan belimbing.

Rambutan yang pertama kali diperkenalkan ternyata mendapat sambutan luar biasa daripada pengunjung. Malahan pengunjung pameran teruja dengan keunikan rasa, rupa dan bentuk buah rambutan. Manakala kopi putih, jem nanas dan roselle serta seri kaya madu Agromas mempunyai potensi pasaran yang tinggi di Turki.

Penyertaan pameran ini, memberi peluang kepada FAMA untuk menjalinkan hubungan perdagangan dengan komuniti perniagaan di Izmir dan Istanbul di samping mendapat maklumat berkaitan kemudahan logistik terutamanya bagi pengeksporthan buah-buahan dan produk proses. ■

Potensi Cerah Produk Malaysia Di Korea



Padanan perniagaan di antara syarikat Ryverra Chocolate & Confectionary Sdn Bhd bersama wakil dari Lotte Foods Co., Ltd



Lawatan delegasi FAMA ke pejabat MATRADE di Korea Selatan



Penyertaan FAMA dalam pameran perdagangan “Halal Expo 2016”, Korea Selatan pada 18 hingga 20 Ogos 2016 lalu, memberi impak yang cerah kepada pasaran produk-produk Malaysia keluaran usahawan Perusahaan Kecil Sederhana (PKS). Meskipun julung kali menyertai pameran di Negara tersebut, maklum balas terhadap permintaan produk-produk Halal Malaysia mendapat sambutan positif.

Ini terbukti daripada perolehan nilai jualan potensi sebanyak RM1.5 juta usahawan di pameran itu. Nilai ini juga dijangka akan meningkat susulan beberapa perbincangan yang sedang dilakukan dengan pengimport berpotensi seperti syarikat Lotte Food Co.Ltd, Vital Industry, Organico dan beberapa syarikat lain.

Hasrat FAMA menerokai pasaran baru di Korea Selatan sememangnya tepat memandangkan peningkatan bilangan pelancong Muslim ke Negara tersebut kini berjumlah 750,000 orang setahun manakala masyarakat Muslim tempatan di sana pula berjumlah 200,000 orang.

Penyertaan FAMA dalam pameran ini disertai tiga syarikat PKS Malaysia iaitu Cheqna Group Sdn. Bhd., Ryverra Chocolate & Confectionary Sdn. Bhd dan Blossom View Sdn. Bhd. Ketiga-tiga syarikat tersebut mempromosikan produk masing-masing seperti nasi lemak, pes makanan, minuman coklat 3 in 1 dan produk sarang burung.

Sejajar dengan usaha FAMA untuk mengembangkan pasaran ke Korea Selatan, para usahawan juga diharap dapat memanfaatkan perjanjian FTA di antara kerajaan Korea Selatan dan ASEAN yang memberikan kemudahan tarrif dan VAT bagi pengeksporthan produk ke pasaran tersebut. ■

World Food Istanbul Buka Tirai Pasaran Turki

Turki merupakan pintu masuk ke pasaran eropah yang boleh dimanfaatkan oleh usahawan Malaysia untuk mengembangkan pasaran eksport ke rantau tersebut di samping memanfaatkan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) antara Malaysia – Turki yang berkuatkuasa pada 1 Ogos 2015.

Sehubungan itu, FAMA buat pertama kali telah menyertai pameran World Food Istanbul yang merupakan pameran perdagangan makanan dan minuman (F&B) terbesar di Turki. Ia berperanan sebagai platform memperkenalkan produk F&B terkini ke pasaran Turki dan negara serantau.

Penyertaan FAMA bertujuan merealisasikan objektif bagi membuat risikan pasaran dan mendapatkan maklumbalas daripada industri agromakanan serta penerimaan pengguna di Turki mengenai produk makanan Malaysia.

Pameran ini turut disertai syarikat Royal Bird Nest yang mempromosikan produk hasilan Sarang Burung Walit di samping FAMA telah mempromosikan 17 sku produk Agromas seperti Bubur dan Mi Segera, Jem, Chip Ubi Kayu, Kopi. FAMA juga mendapati pelabelan Free from Genetically Modified Organism (GMO) merupakan trend terkini di Turki yang memberikan kelebihan untuk menarik minat pengguna di sana. ■



Perbincangan dengan pembeli yang berminat mengenai produk hasilan burung walit



Penerangan mengenai produk Agromas kepada pengunjung

RM17 Juta Dalam Genggaman Di Hong Kong



Deligasi misi perdagangan FAMA dan usahawan di AFL 2016

Buat kali keempat, FAMA menyertai pameran perdagangan "Asia Fruits Logistica 2016" yang berlangsung selama tiga hari bermula 7 hingga 9 September 2016 bertempat di Asia World Expo, Hong Kong. Pameran ini telah dirasmikan Konsul Jeneral Malaysia di Hong Kong, Tengku Dato' Sizajuzaman Tengku Mohamed Ariffin.

Enam syarikat pengeksport buah-buahan daripada Malaysia telah menyertai pameran ini iaitu topfruits sdn. Bhd, Inter Fruits (M) Sdn Bhd, Rompin Intergrated Pineapple Industries sdn. Bhd, Agnesia best fruit trading, trl (south east) sdn bhd dan Kulim (M) sdn bhd. Penyertaan para usahawan tersebut telah berjaya menjana nilai jualan yang berjumlah RM17 juta dan berpotensi untuk meningkat kepada RM27 juta dengan rundingan yang sedang berlangsung.

Sepanjang pameran berlangsung, buah-buahan yang di promosikan adalah durian, betik, rockmelon, manggis, nanas dan pisang. FAMA mengambil peluang ini, untuk memperkenalkan nanas dan pamelu dari negeri Sabah bagi tujuan pengeksportan pasaran hong kong berikutan kedudukan strategik Sabah yang berhampiran dengan Hong Kong. ■

Kedutaan Malaysia Di Santiago Perkenal Rambutan Dan Nangka

Buat julung kalinya FAMA telah berkerjasama dengan kedutaan Malaysia Santiago Chile dalam acara promosi buah-buahan Malaysia di La Vega Centro Mercado, Santiago, Chile pada 25 Oktober 2016.

Duta Malaysia ke Chile Datuk Dr. Mohamad Rameez, memberitahu kerjasama dengan FAMA telah membolehkan program itu berjaya dilaksanakan. Memandangkan buah-buahan Malaysia belum pernah di pasarkan secara komersial ke Chile. Usaha ini dilihat sebagai pembuka laluan kepada rundingan akses pasaran bagi produk segar dari Malaysia.

"Kemasukan buah rambutan dan nangka ke Chile akan membolehkan pendedar buah-buahan di sana mengedar buah-buahan Malaysia pada masa akan datang sama ada dalam bentuk segar mahupun dingin beku. Sekali gus dapat memenuhi warga Chile yang sememangnya menggemari buah-buahan eksotik", katanya.

Program promosi ini dihadiri lebih daripada 200 orang tetamu dan 13 pendedar buah-buahan Chile termasuk Kumpulan Makanan Halal, ardenillas Group, Agricola Ballerina Chile Ltd, hadir untuk menikmati rambutan dan nangka sejukbeku yang disajikan. Program ini juga mendapat liputan Khas oleh stesen tv utama di Chile. ■



Produk Malaysia Terbuka Luas Di Pameran Caexpo

Usaha berterusan dalam membantu usahawan Malaysia untuk mengembangkan perniagaan ke pasaran China sejak tahun 2000 masih menjadi keutamaan dalam perancangan eksport FAMA sehingga kini. Terbaru, FAMA telah menyertai Pameran Perdagangan China Asean Expo (CAEXPO) yang diadakan di Nanning, China pada 8 hingga 15 September 2016 lalu.

Penyertaan FAMA dalam CAEXPO ini merupakan penyertaan kali ke-5 sejak tahun 2011 di bawah Pavilion Malaysia yang dikendalikan oleh pihak MATRADE.

Program perdagangan ini di sertai tiga usahawan IKS Malaysia iaitu Shinora Food Industries Sdn Bhd, Pristine Food Stuff Sdn Bhd dan Nytrex yang mempromosikan produk seperti ais krim, durian sejuk beku dan makanan sejuk beku.

Permintaan terhadap produk Malaysia terutama produk durian sejuk beku ternyata mendapat sambutan memberangsangkan daripada pengguna di negara China. ■



Lawatan Agriculture Counsellor di Beijing ke booth pameran FAMA



Tetamu VIP dihidangkan dengan produk ais krim keluaran syarikat Pristine Sdn. Bhd.



Majlis perasmian Pavilion Malaysia di 13th China ASEAN Expo (CAEXPO) 2016



Sesi uji rasa produk Agromas kepada pengunjung

Empat Hari Di Australia Raih RM1.5 Juta



Penyertaan kali ke tiga FAMA di dalam Pameran Perdagangan Fine Food 2016 di Melbourne, Australia selama empat hari bermula 12 hingga 15 September 2016, berjaya memperolehi nilai jualan berpontensi RM1.5 juta daripada para pengimport di negara Australia dan New Zealand.

Tiga usahawan tersebut adalah DIC Trading Sdn Bhd, Azaib Holding Sdn Bhd dan Pitaberry Sdn Bhd yang masing-masing mempromosikan produk seperti ais krim, coklat dan minuman tenaga serta produk dalam tin.

Program yang disertai ini membuktikan bahawa produk Malaysia terus mendapat sambutan dan mempunyai nilai pasaran di Australia serta negara serantau.

Penyertaan pameran perdagangan yang disertai sejak tahun 2013 ini adalah di bawah Pavilion Malaysia yang dikendalikan pihak MATRADE. ■



Durian Musang King Digemari Pengunjung Sydney

Program promosi durian Musang King ke peringkat antarabangsa bakal dijadikan sebagai acara tahunan bagi meningkatkan kesedaran pengguna antarabangsa mengenai durian.

Ini berdasarkan rumusan yang dicapai hasil maklum balas positif diperolehi menerusi program promosi durian, sempena acara Malaysian Festival 2016, anjuran bersama Bahagian Pasaran Antarabangsa FAMA dengan kerjasama syarikat Rockman (Australia) Pty. Ltd., di Tumbalong Park, Darling Harbour, Sydney, Australia, pada 4 September 2016 lalu. Untuk program tersebut, FAMA membekalkan 400 pek (300gm) durian Musang King sejuk beku yang telah diterbangkan ke Sydney pada 29 Ogos 2016.

Kebanyakan pengunjung menyukai keenakan rasa durian Musang King. Pihak Rockman (Australia) Pty. Ltd., turut mengadakan hebahan program ini di media elektronik seperti Chinese Radio 2CR, Hello Asia dan juga laman sosial seperti Facebook dan WeChat bagi menarik pengunjung seminggu sebelum acara berlangsung.

Menariknya program tersebut, setiap pengunjung dijamu menikmati durian seulas seorang dan ditanda di tangan sebagai simbol telah melalui sesi uji rasa. ■



Keenakan Durian Dinikmati Warga Hong Kong

Penganjuran Durian Party @Hong Kong 2016 bertempat di The Wave, Hong Kong pada 7 sehingga 9 September lalu merupakan program yang dinanti-nantikan masyarakat tempatan di negara tersebut. Penganjuran kali kedua yang diusahakan FAMA dengan kerjasama syarikat swasta iaitu Durian BB ini dirasmikan oleh Konsul Jenderal Malaysia di Hong Kong, Tengku Dato' Sizajuzaman Tengku Mohamed Ariffin.

Pameran yang dihadiri kira-kira 1,000 orang peminat durian daripada Hong Kong ini telah berpeluang menikmati keenakan buah durian segar. Selain itu, mereka juga turut diberi taklimat dan informasi jenis-jenis durian daripada Malaysia dan cara mengenali setiap variasi durian. ■



Produk Agromas Kunjungi Pasaran Dubai

Majlis Pelancaran produk Agromas yang julung kali diadakan di Dubai, Emiriah Arab Bersatu (UAE) pada 27 Oktober 2016, di Hotel Crown Plaza, Syeikh Zayed Road, bertujuan memperkenalkan dan mempromosikan produk-produk proses daripada Malaysia terutama produk Agromas.

Dalam usaha menjayakan program ini, FAMA telah mengadakan kerjasama bersama Pejabat Perwakilan Pertanian di Dubai (PPP Dubai), diketuai En Shahid Abu Bakar, Konsul Pertanian dan juga syarikat Victus Asia yang berada di Dubai selaku syarikat pengedar (Distributor) di Dubai.

Pelancaran produk Agromas yang dirasmikan Duta Malaysia di Emiriah Arab Bersatu, Dato' Ahmad Anuar turut memberi peluang kepada produk-produk proses lain bertapak di pasaran negara Arab khususnya di Dubai dan seterusnya menembusi beberapa pasaraya sekitar Emiriah Arab Bersatu.

Antara tetamu kehormat yang hadir dalam majlis pelancaran ini, Member of Ruling Family, Ajman, Shaikh Sultan Naser Humaid Rashed Al Nuaimi, Konsul Besar Malaysia di Emiriah Arab Bersatu, Encik Yubazlan bin Hj Yusof dan Konsul Besar Malaysia Bahagian Pejabat Pertanian Dubai, Encik Shahid Abu Bakar. ■



Hantaran Percubaan Rambutan Sarawak Ke China Dirancang



Sebahagian petani dari Rumah Panjang Pao Ai yang terlibat bagi pembekalan rambutan untuk di eksport ke China

Projek Hantaran Percubaan Rambutan ke Negara China, adalah cetusan idea Ketua Pengarah FAMA, YBhg Dato' Ahmad Ishak bertujuan mempromosi dan memperkenalkan rambutan Malaysia ke pasaran China. Bagi merealisasikan perancangan penghantaran percubaan rambutan ke China pada tahun 2016 yang kali pertama diadakan, Cawangan Eksport, Bahagian Pasaran Antarabangsa, FAMA telah diberi tanggungjawab dalam melaksanakan program ini.

Pada 27 Oktober 2016, pasukan daripada Cawangan Eksport dan Galakan Pasaran Luar Negara yang diketuai Pengarah Kanan Bahagian Pasaran Antarabangsa, YBhg Dato Nazipah Jamaludin telah membuat lawatan ke ladang rambutan di kawasan Nhimong dan Rapat (Sri Aman), Sarawak bagi melihat sendiri keadaan kawasan pengeluaran rambutan.

Timbalan Pengarah FAMA Sarawak En Abd Jaafar Lian dan beberapa pegawai daripada agensi seperti Jabatan Pertanian Sarawak dan Kementerian Pemodenan Pertanian serta Ekonomi Luar Bandar (MOARE) Sarawak telah memberi kerjasama dalam menjayakan lawatan tersebut. ■



Perbincangan di antara FAMA dengan wakil Rumah Panjang Pao Ai, Sri Aman, Sarawak



Lawatan ke ladang rambutan Rumah Panjang Nimong



Mesyuarat fasilitasi Pengeksportan rambutan Sarawak ke China

Malaysia Halal Centre Di Hypermarket Big Box Singapura

Potensi pasaran yang cerah di Singapura menarik minat FAMA untuk mengembangkan lagi sayap perniagaan Agrobazaar Malaysia Singapura (ABMS) menjadi pusat pengedaran produk Halal Malaysia.

Sehubungan itu, Malaysia Halal Centre (MHC) di Hypermarket Big Box telah diwujudkan bertujuan memasarkan produk segar dan proses keluaran usahawan Malaysia. Outlet runcit yang dibuka pada bulan Mei 2016, bertempat di Jurong, Singapura itu berperanan sebagai outlet pengedaran dalam pasaraya kekal bagi memasarkan produk-produk Halal IKS Malaysia.

Pembukaan MHC ini memberi peluang kepada usahawan IKS Malaysia untuk mengembangkan pasaran eksport dan sekali gus meningkatkan tahap pendapatan mereka. ■



Ruang jualan "Malaysia Halal Centre" di Hypermarket Big Box



Produk sejuk beku dan pelbagai sos usahawan dari Malaysia yang dipasarkan di "Malaysia Halal Centre"



Antara produk proses usahawan dari Malaysia

Keenakan Hidangan Terengganu Tambat Pengunjung Singapura

Makanan tradisi Terengganu bukan sahaja popular di kalangan masyarakat Malaysia, khususnya pantai timur malahan kini mula dikenali di luar negara seperti Singapura. Buat kali kedua, FAMA telah menganjurkan program promosi Terengganu Plate bertempat di Agrobazaar Malaysia Singapura (ABMS) yang dirasmikan oleh Menteri Besar Terengganu YAB Hj. Ahmad Razif Abd Rahman. Program promosi ini berlangsung selama dua minggu bermula pada 13 hingga 31 Ogos 2016.

Kali pertama penganjuran program tersebut adalah pada 27 Ogos 2015 yang dirasmikan oleh Menteri Pertanian Dan Industri Asas Tani, Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek.

Program promosi diadakan bertujuan mempromosi dan memperkenalkan keunikan serta keistimewaan makanan tradisional dari negeri Terengganu kepada rakyat dan pelancong di Singapura.

Sepanjang program berlangsung, enam menu tradisional negeri Terengganu telah dipromosikan iaitu Nasi Dagang, Nasi Ayam Percik, Laksa, Satar, Keropok Lekor dan Rojak Betik.

Selain itu, produk IKS negeri Terengganu juga turut dijual di Agrobazaar Malaysia Singapura bagi membantu para usahawan kelahiran Terengganu mengembangkan pelbagai produk ke pasaran eksport. ■



Pelancaran "Terengganu Plate" yang disempurnakan oleh Menteri Besar Negeri Terengganu



Antara pameran produk IKS dari Negeri Terengganu

Perolehi Lebih RM2 Juta Sertai Empat Hari Pameran



Majlis perasmian "Malaysia Fest 2016"



Jualan buah-buahan segar oleh FAMA

Usahawan yang menyertai pameran Malaysia Fest 2016, Singapore, di bawah FAMA telah berjaya merekodkan nilai jualan berpotensi berjumlah lebih daripada RM2 juta manakala nilai jualan RM500,000 berjaya diperolehi sepanjang empat hari pameran, yang bermula pada 11 hingga 14 Ogos 2016.

Pameran yang diadakan di Hall 5, Singapore Expo, Changi, dan dirasmikan oleh ahli Parlimen Bishan Toa Payoh GRC, Singapura Saktiandi Supaat, itu merupakan platform tepat bagi para usahawan yang ingin mengukuhkan pasaran mereka di Singapura.

Para usahawan juga berpeluang melakukan kajian pasaran seperti mengenal pasti penerimaan pengguna terhadap produk yang dipromosi dan penambahbaikan yang perlu dilakukan terhadapnya.

Selain produk IKS, buah-buahan seperti rambutan, durian, cempedak dan nanas turut dipromosikan sepanjang pameran berlangsung. ■



Booth jualan produk Agromas



Booth jualan produk jenama Seri Pinang

Rancang Luaskan Pemasaran Produk Agromas Di Indonesia

Pemasaran produk proses jenama Agromas di negara Indonesia melangkah setapak lagi apabila termeterainya perjanjian di antara pihak Malaysia dengan pihak Indonesia iaitu syarikat PT. ULTRINDO ADHIJAYA, JAKARTA (subsidiary Winn Groups)

Pelaksanaan perjanjian ini adalah dengan kerjasama FAMA Selangor bertujuan memperluaskan pasaran produk proses Agromas di seluruh Indonesia. Antara produk yang di beri fokus adalah Teh Tarik, Seri Kaya Madu, Bijiran Oat dan pelbagai perasa kopi 3 in 1.

FAMA juga menyasarkan cadangan membuka outlet di seluruh negara Indonesia dalam tempoh 5 tahun. Perancangan mengadakan promosi berterusan bersama Kerajaan Malaysia, Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani akan dilaksanakan dalam tempoh terdekat. ■



AKTIVITI BENGKEL

Bengkel Retail Management Curah Ilmu Pada Peserta

Bahagian Pasaran Antarabangsa dengan kerjasama Bahagian Pembangunan Modal Insan telah mengadakan Bengkel Pengurusan Peruncitan (Retail Management) bertempat di hotel Holiday Villa, Johor Bharu. Bengkel yang berlangsung selama dua hari bermula darpa 28 hingga 29 September 2016, bertujuan memberi pendedahan secara teori dan praktikal kepada peserta berkaitan outlet runcit.

Model bengkel tersebut merangkumi gambaran keseluruhan pengurusan runcit, promosi berkesan, merchandising visual, pengurusan inventri dan matlamat pemasaran. Selain itu, para peserta juga diterapkan dengan pelbagai pengetahuan mengenai teknik pengurusan produk runcit terkini yang dipraktikkan oleh industri.

Para peserta bengkel terdiri daripada pegawai yang terlibat secara langsung dalam Pemasaran Produk ke Agrobazaar Malaysia di Singapura (ABMS) dan Malaysia Halal @ Big Box, antaranya kakitangan Bahagian Pasaran Antarabangsa, Pemasaran Industri asas Tani (IAT), FAMA negeri Johor dan ABMS. ■



Hand-on visual merchandising yang disampaikan oleh En Irwande, Pensyarah dari Tech Terrain College



Peserta bengkel sedang melaksanakan kerja berkumpulan



Para pegawai FAMA dan ABMS yang menyertai bengkel



Ucapan aluan yang disampaikan oleh Tn. Hj. Zainal Abidin



Y.H. Dato' Nazifah Jamaludin turut menyertai bengkel

Lawatan Empat Hari Ke Sabah Temui Produk Berpotensi

Kunjungan kami ke negeri bawah bayu selama empat hari tiga malam tanggal 23 hingga 26 Mei 2016, berhasil menemukan beberapa pengusaha produk proses dan produk segar yang berpotensi diekspor terutama ke pasaran Singapura.

Lawatan ke beberapa lokasi termasuk Kundasang dan Tawau bertujuan memantapkan bekalan eksport produk proses dan produk segar dari negeri itu ke pasaran luar negara. Lawatan ini turut disertai wakil dari cawangan teknologi maklumat, Ibu Pejabat FAMA dan Johor.

Kunjungan hari pertama kami pada 23 Mei 2016 adalah ke Tawau untuk bertemu Pengusaha Snek Amplang, Puan Rahmah Salamat.

Amplang yang dihasilkan Puan Rahmah mengguna isi ikan tenggiri asli dan memiliki rasa tersendiri sehingga memperoleh permintaan yang amat tinggi di Singapura.

Sebagai langkah meluaskan ruang pasaran produk, snek pengeluaran Rahmah tidak hanya diedar menggunakan jenama tersendiri, malahan turut dipasarkan di bawah jenama Agromas.

Seterusnya, kami melawat usahawan produk jenama Fun Noodles, iaitu Eva Tan Kim Yen, yang mengusahakan mi kering berasaskan 100% sayur-sayuran. Syarikat ini mengeluarkan 10 jenis produk mi kering termasuk bayam, lobak merah, ubi bit dan rumpai laut.



Bersama pemilik syarikat snek amplang



Cara 'vegetables noodles' diproses



Di kilang kopi yit foh



Kuih cincin digoreng



Keju disimpan di dalam cellar

BERJUMPA PENGUSAHA PRODUK

Pada hari kedua, tanggal 24 Mei 2016, kami meneruskan kunjungan ke Kundasang, melawat syarikat Desa Cattle (Sabah) Sdn. Bhd. Lembu tenusu dibawa terus dari New Zealand dan ditenak disini. Kami telah dibawa melawat dan melihat sendiri proses pempasteuran susu lembu segar yang dibuat secara automatik sepenuhnya. Di sini terdapat juga ruang penyimpanan Cellar Cheese yang pertama dan terbesar di Asia Tenggara.

Kami singgah di Tenom pada 25 Mei iaitu hari ketiga, untuk melawat ladang pamelu, avocado dan kilang kopi Yit Foh. Kami dapati, kesemua buah dan produk proses ini berpotensi untuk diekspor ke luar negara terutama ke negara Singapura.

Pada 26 Mei, hari keempat dan terakhir kami berpeluang mengunjungi kilang memproses kuih cincin, keluaran syarikat D & A Rich Marketing yang terletak di Papar, Sabah. Syarikat ini bukan sekadar mengeluarkan kuih cincin berjenama Riabatul, tetapi juga turut mengedarkan produk yang sama, menggunakan jenama Agromas. Snek ini, turut mendapat permintaan yang tinggi untuk pasaran di negara Singapura. ■



Misi Mencari Produk Sabah Capai Matlamat

Visi FAMA meningkatkan kemantapan bekalan eksport produk proses dan segar Sabah, terutama ke pasaran Singapura, diteruskan dengan lawatan kerja dua hari ke pelbagai perusahaan negeri tersebut, yang disertai wakil Cawangan Teknologi Maklumat Ibu Pejabat FAMA dan FAMA Negeri Johor, sekitar 13 sehingga 14 Julai 2016.

Pada hari pertama, kami berkunjung ke perusahaan produk minuman yogurt jenama Akasia, yang diusahakan syarikat Light & Simple Food Sdn. Bhd, Di Kolombong, Kota Kinabalu. Menurut pemilik syarikat, En. Leong Hee Seng, setakat ini pihaknya mengeluarkan tujuh jenis minuman yogurt berperisa iaitu perisa buah kiwi, ore, asli (tanpa gula), mangga, strawberi, asli (dengan gula), dan campuran mangga dan oren.

Selepas itu, kami melawat Sabah Meat Technology Centre yang terletak di Kinarut. Pusat ini dimiliki Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Perusahaan Penternak (JPHPT), Sabah. Dengan kelengkapan peralatan canggih dan persekitaran yang bersih, pusat ini menjadi lokasi penternak lembu di kawasan sekitar untuk menyembelih lembu ternakan mereka.



Diskusi bersama Datuk Yap

MELIHAT PELBAGAI HASIL PERTANIAN SEGAR

Pada 14 Julai 2016 (Khamis), kami membuat lawatan ke Pasar Komuniti dan Karavan (PAKAR) yang terletak di Keningau. Di sini, kami dapat melihat pelbagai jenis hasil pertanian segar petani dan pengusaha tempatan dijual kepada pengguna.

Lawatan seterusnya dilakukan ke Evergreen Livestock Sdn. Bhd, ladang tenusu milik Datuk Yap Yun Fook yang mengeluarkan susu segar pasteur jenama Eco Yap. Terdapat lebih kurang 2000 ekor lembu tenusu yang ditenak menjadikan ladang ini sebagai ladang tenusu terbesar di Asia Tenggara. Lawatan kami diakhiri ini dengan kunjungan ladang nanas Crystal Diamond, yang juga milik Datuk Yap. Keenakan nanas Crocker Range ini walaupun bersaiz kecil tetapi mempunyai rasa sangat manis, sesuai untuk dieksport ke luar negara. Keseluruhan lawatan ini ternyata mencapai matlamat yang diingini. ■



Meninjau hasil pertanian di PAKAR Keningau



Sebahagian lembu tenusu Datuk Yap

Produk Cheqna Mudahkan Tugas Memasak

Pelbagai idea dan kreativiti dihasilkan oleh usahawan pemakanan tempatan bagi memenuhi citarasa pelanggan dalam memilih makanan. Malahan pelanggan juga tidak perlu bersusah payah memasak di rumah kerana makanan berkonsepkan Sedia Dimakan kini semakin banyak membanjiri pasaran.

Produk jenama Cheqna, adalah antara produk yang semakin mendapat tempat di kalangan pelanggan. Istimewanya produk Sedia Dimakan (Ready To Eat—RTE) dan Sedia Dimasak (Ready To Cook—RTC) ini menggunakan resipi dan ramuan asli yang berkhasiat, bebas kandungan MSG dan tiada bahan pengawet serta mempunyai persijilan Halal.

Antara rangkaian produk RTE seperti Rendang, Kerutup, Serunding dan Daging dalam Sos Hitam. Dengan pembungkusan yang kompak dan ringan, produk jenama Cheqna mudah dibawa kemana-mana dan sesuai untuk pengguna yang sentiasa sibuk dan sering keluar kawasan serta bercuti di luar negara.

Produk Cheqna, keluaran syarikat bumiputera, Cheqna Group Sdn Bhd milik Puan Roslina Haji Yaakub, yang merupakan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan CGSB ini telah ditubuhkan pada tahun 2013, beralamat di Plaza Idaman, Medan Idaman, Kuala Lumpur.

Produk pertama syarikat ini ialah RTE Nasi Lemak Segera yang dikeluarkan khusus untuk pasaran ke negara Jepun. Produk ini dikeluarkan atas permintaan pengimport di negara matahari terbit itu.

Kini, CGSB turut merancang mengeksport rangkaian produk jenama Cheqna ke pasaran lebih meluas seperti negara Australia, Turki, Oman, USA dan Eropah. Produk Cheqna dikategorikan sebagai premium dan hanya dikeluarkan untuk pasaran di luar negara. Maklumat lanjut mengenai syarikat CGSB boleh diperolehi melalui laman web www.cheqna.com. ■



Akasia® Minuman Yogurt Popular Sabah



Setelah 16 tahun berada di pasaran, Akasia, jenama yogurt kepunyaan syarikat Light & Simple Food Sdn. Bhd., milik usahawan tempatan Sabah, Encik Leong kini menghasilkan minuman yogurt dalam 6 perisa dan mempunyai 34 SKU dalam botol-botol 200ml, 300ml dan 520ml serta cawan 100gm dan tab 475gm. Dua daripadanya berperisa Orange

Mango Combo dan Honey Dew Melon, yang hanya terdapat dalam botol 520ml.

Yogurt Akasia® ini cair seakan minuman susu berperisa dan memerlukan sudu untuk menikmatinya.

Selain pelanggan, rangkaian hotel dan restoran turut menjadikan yogurt Akasia® sebagai minuman mahupun digunakan dalam masakan terutama sebagai pengganti santan. Bagi memenuhi keperluan tersebut, minuman yogurt dalam botol 1Kg dan tab 4.5Kg dikeluarkan khusus untuk hotel dan restoran.

Buat masa ini, minuman yogurt Akasia® hanya boleh diperolehi di pasaraya-pasaraya seluruh Sabah.

Leong mula berjinak dengan produk tenusu apabila bekerja di bahagian ais krim sebuah pasaraya eksklusif di tengah bandaraya Kota Kinabalu Sabah. Setelah 32 tahun berkhidmat, beliau mengambil keputusan berhenti dan bekerja sendiri apabila eksperimen menghasilkan minuman yogurtnya berjaya.

Produk berasaskan susu lembu diilhamkan sempena nama pokok rimbun di luar pagar rumah yang sekian lama memberi teduhan terhadap sinaran matahari terutama pada sebelah petang.

Alamat kilang Light & Simple Food Sdn. Bhd, No. 4, Tingkat Bawah Taman BDC, Fasa 3, Kolombong, 88300 Kota Kinabalu, Sabah. Tel: 088-382166, Faks: 088-318003 ■

Produk SHRF Sedia Dimakan

Terdapat pelbagai jenis produk makanan yang dijual di pasaran. Namun antara lambakan produk yang berada di pasaran, produk berkonsepkan Ready To Eat (RTE) dan Ready To Cook (RTC) adalah yang mendapat sambutan ramai. Produk keluaran Syarikat SHRF Food Industries Sdn Bhd sebelum ini beroperasi di Bukit Beruntung dengan menghasilkan produk Sedia Masak dan kemudian beroperasi di KIMAR, Batu Caves, dengan mengeluarkan produk sedia dimakan ini digemari kerana kualiti dan rasanya yang istimewa.

SHRF Food Industries Sdn Bhd, milik pengasasnya, Puan Rohani Borhan yang juga bekas kakitangan di sebuah syarikat perbankan telah berjaya menghasilkan 46 jenis produk di mana 26 daripadanya berjaya menembusi pasaran. Antara produk keluaran SHRF, adalah Briyani Herba, Briyani Gam & pes, Pes Rendang, Pes Asam Nyonya, Pes Mi Kari dan Pes Mi Goreng. Produk Briyani Gam Ayam, Briyani Gam Kambing dan sotong kering adalah antara produk yang mendapat sambutan. Manakala produk terkini yang dihasilkan adalah Rendang Dengdeng dan Rendang Ayam. Termasuk juga produk OEM seperti Nasi lamuni, Nasi Sup dan Pes Serai.

Sehingga kini, produk SHRF bukan sahaja berjaya memasuki ke pasaraya Giant, Tesco, AEON Big dan Mydin malah

mampu menembusi pasaran Singapura. Dengan kerjasama FAMA bermula pada tahun 2012 sehingga sekarang, SHRF berjaya mengembangkan pasaran di Agrobazaar Malaysia Singapura (ABMS), pada 2014 dan Pasaraya Big Box, Singapura pada tahun 2016.

Menyedari pentingnya promosi dalam menjulang nama produk SHRF di pasaran, pelbagai aktiviti dan pameran turut disertai, antaranya pameran perdagangan Consumer Fair Brunei. Di samping itu, SHRF Food Industries Sdn Bhd juga kerap melibatkan diri dalam pameran perdagangan di bawah MATRADE seperti di Nanning, Shanghai dan Xian. ■



Jenama Sudee Tembusi Pasaraya Mega



Rangkaian produk jenama Sudee kini memasuki pasaran pasaraya mega termasuk Giant, Mydin dan Tesco. Produk yang dipasarkan adalah dalam kategori air minuman, sos cili, rempah kari, perencah rempah ratus, pes dan serbuk perisa.

Jenama yang telah dihasilkan World Prominence Sdn Bhd (WPSB), itu juga mendapat kerjasama koperasi, sekolah-sekolah, badan NGO seperti Puspanita, sektor perkhidmatan makanan termasuk hotel dan catering.

Menurut pemilik syarikat, En. Jamaludin Adnan dan En. Ahmad Fauzi, WPSB membekalkan produk berkualiti tinggi dengan rempah diproses berdasarkan piawaian selamat dan halal kepada industri makanan dengan tumpuan kepada model perniagaan Just-in-time(JIT).

“Selama 10 tahun syarikat ini bergerak sebagai pro vendor bagi pemasaran industri produk separa siap, sebagaimana syarikat antarabangsa seperti Hup Seng dan Nestle. Dalam masa sama, kami berusaha menghasilkan pelbagai jenis produk masakan semenjak lapan tahun lalu dan

mengembangkan sayap ke dalam perniagaan peruncitan menerusi syarikat subsidiari Life Water Services Sdn Bhd (LWSB), sebagai cabang pemasaran,” jelas kedua-dua usahawan ini.

Strategi itu membuahkan hasil sehingga syarikat mampu mengeksport sendiri produk pes masakan kepada pengedar di Arab Saudi, iaitu Al-Yassirah Al Arabia Co., pada tahun 2015 bagi produk-produk makanan jemaah haji Malaysia dan Indonesia.

Kini dengan kerjasama FAMA sebagai pembimbing pemasaran eksport, telah membolehkan WPSB menembusi pasaran Agrobazaar Malaysia Singapura (ABMS) dan Pasaraya Big Box Singapura, serta dalam proses memasuki Lulu Hypermarket , Kuala Lumpur.

Syarikat yang mula beroperasi pada bulan Januari 1998 dan berpangkalan di Batu Caves, Selangor, itu memiliki pengesahan Integrated MS ISO 9001: 2008, MS HACCP 1480: 2007, Rangkaian Sijil IQ Net Antarabangsa dan HACCP oleh Kementerian Kesihatan serta memperolehi sijil HALAL, JAKIM. ■



Keunikan & Kenali Raja Buah

DURIAN ialah buah daripada beberapa spesis pokok dalam genus *Durio* (pokok durian) yang menghasilkan buah beraroma kuat dan boleh dimakan. Durian terkenal di Asia Tenggara dengan gelaran 'Raja Buah'. Durian memiliki saiz besar, bau yang unik dan isinya dilindungi kulit berserat dan berduri. Disebabkan memiliki duri itulah durian mendapat nama Buah Durian.

Durian boleh didapati dalam pelbagai jenis. Namun antara yang mendapat sambutan di pasaran kerana keenakan dan keunikan rasanya adalah TEKKA @ MUSANG QUEEN (D160), IOI (D168) dan UDANG MERAH (D175).

TEKKA @ MUSANG QUEEN (D160)

Nama asal durian Tekka @ Musang Queen ialah 'Buluh Bawah' dan berasal dari Banting, Selangor. Mempunyai ciri-ciri bulat lonjong, besar di atas dan kuncup di bawah dengan terdapat lekukan pada pangsa. Memiliki berat antara 1.0 hingga 2.4 kg sebiji.

Durian Tekka @ Musang Queen mempunyai isi yang tebal dan berwarna krim kekuningan serta teksturnya halus dan pekat. Ulasnya pula besar dan bijinya sederhana serta empulurnya berongga. Manakala rasanya lemak manis, kepahitan dan bergas. Berkulit nipis dan mudah dibuka. ■



IOI (D168)

Nama tempatan Durian IOI dikenali sebagai Mas Hajah Hasmah atau Ma Muar atau Muar Gold. Durian IOI berasal dari Muar, Johor. Durian ini memiliki bentuk bulat lonjong dan terdapat lekukan pada hujung buah. Isinya berwarna kuning oren dan memiliki tekstur yang halus dan agak pejal. Rasanya manis dan berkrim. Sebahagian dari bijinya kecil dan kecut. Manakala beratnya antara 1.0 hingga 2.2kg sebiji. Kulitnya pula berwarna kehijauan keperangan dan mempunyai tangkai pendek serta mudah dikopek. ■



UDANG MERAH (D175)

Nama asal Durian Udang Merah adalah Ang Bea. Durian ini berasal dari Balik Pulau, Pulau Pinang. Buahnya sederhana besar dan berbentuk bujur. Isinya berwarna merah kekuningan, tebal dan memiliki tekstur lembik berkrim. Rasanya pula lemak manis dan sedikit pahit. Berkulit hijau perang dan berduri pendek dan memiliki berat antara 1.5 hingga 3.0 kg sebiji. ■

...is a professional press release distribution service by BERNAMA Malaysia's National News Agency, a leading supplier of news content to the local and international media.

Press Releases
Malaysia | Asianet

RSS Feed

Events

PIPOC 2007

LANGKAWI INTERNATIONAL DIALOGUE

IKIM: THE ROLE OF ISLAMIC

KL OIC HEALTH

PERAK ROYAL EVENT

DEVELOPING 8 (D8) MINISTERS MEETING ON FOOD SECURITY

Embassy of Malaysia
Muscat, Sultanate of Oman

MALAYSIA FRUITS FESTIVAL 2016
Monday 23/05/2016

21 MAY 2016 | 10.00 AM | CARREFOUR, CITY CENTRE MUSCAT, OMAN

KUALA LUMPUR, May 23 (Bernama) — H.E. Shahri Effendi Abd. Ghany, Ambassador of Malaysia to Oman, launched the maiden Malaysia Fruits Festival 2016 on Saturday, 21 May 2016, at Carrefour, City Centre Muscat, Sultanate of Oman. The event was organized by the Malaysia Agriculture Consul Office in Oman. In collaboration with the Embassy of Malaysia in Oman and Carrefour, City Centre Muscat, Sultanate of Oman.

Present at the launch were Mr. Shahid bin Abu Bakar, Agriculture Consul at the Malaysia Agriculture Consul Office in Dubai, Mr. Elias Michel Yazbeck, Vice President of Marketing and Sourcing of Carrefour, and Mr. Abd. Aziz Sakiman, Malaysia fruit exporter from DRS Trading Sdn. Bhd. Also present were local importers, members of the diplomatic corps and the media. The one-day promotion was a huge success with a large turnout by the local public who were treated to free sampling of almost 500kg of fruits such as mango, pineapple, jackfruit, rock melon, rose apple, papaya, watermelon and starfruit.

A variety of by-products made from Malaysian fruits such as mango cheese tartslets, jackfruit jelly, mixed fruit salads, puddings and papaya pickle were sampled by the public. Mr. Ahmad Ridhauddeen Abdul Morat also demonstrated his fruit carving skills by carving the prominent Sultan Qaboos Grand Mosque on a watermelon at the launch.

H.E. Ambassador of Malaysia expressed hope that this initiative would translate to an increase in the bilateral trade of the agriculture sector between Malaysia and Oman in the coming years. As of 2015, bilateral trade in agriculture stood at RM26 million worth of export.

Mr. Shahid bin Abu Bakar, Malaysia's Agriculture Consul in Dubai is also optimistic that more varieties of fruits from Malaysia will be made available at Carrefour in the coming weeks. This is made possible with ongoing efforts of good office of the Agriculture Consul Office in Dubai to match make local importers with Malaysia's fruits exporters.



Malaysia special focus

Expo showcases nation's agriculture

The Malaysia Agriculture and Aquaculture Show (MAAA) 2016, held in Seremban, Selangor, Malaysia, attracted 3 million visitors. MAAA 2016 showcased the nation's agricultural products and services to the international community. The event was organized by the Ministry of Agriculture and Agro-based Industry, in collaboration with the Malaysia Agriculture Consul Office in Dubai. The expo featured a wide range of agricultural products, including fruits, vegetables, and seafood, as well as various agricultural services and equipment. The event was a great success, with a large turnout of visitors and a significant increase in the export of Malaysian agricultural products to the Middle East region.

A tropical land boasting abundant natural resources

Malaysia is a tropical land with abundant natural resources. The country is rich in various types of fruits, including mango, pineapple, jackfruit, rock melon, rose apple, papaya, watermelon, and starfruit. These fruits are not only delicious but also nutritious and healthy. Malaysia's agricultural sector is a major contributor to the country's economy, and the government is committed to promoting and supporting the industry. The Malaysia Agriculture and Aquaculture Show (MAAA) 2016 was a testament to the country's rich agricultural heritage and its potential for growth and development.



Today

HOME LOCAL MIDEAST ASIA WORLD BUSINESS SPORT OPINION WRITERS

Malaysian festival to offer insights into country's fruits

By Maricar Jara-Puyod

October 22, 2015

DIJAB: The quest for healthy living continues, as an award-winning Malaysian entrepreneur, restaurateur, and executive chef from the UK is expected in the UAE this weekend to encourage residents to relish fresh fruits and concoctions from his native country.

According to Malaysian Agriculture Consul Shahid Abu Bakar, Norman Bin Musa, who co-owns and personally cooks for the Ming restaurant in Manchester, will be demonstrating his expertise at the Oct. 23-24 "Malaysia Fruits Festival."

The demo will be held at the Union Cooperative Society Hypermarket in Al Barsha, Dubai.

Aside from raising consumer awareness on the availability of the Malaysian fruits on the market, Abu Bakar hopes that more people will also be enticed into buying and taking the fruits as part of their daily diet. The interaction with Musa will kick off at 2:30pm on Friday and Monday on Saturday.

The festival is organized by the Consulate General of Malaysia in Dubai.

Musa, who is bestowed the title "Food Ambassador for Kuala Lumpur" in Nov. 2014, will be conducting interactive demonstrations on how papaya, star fruit, dragon fruit, rambutan, mango, watermelon, jackfruit, pineapple, guava, rose apple, rock melon could be transformed into juice, jellies, salads, puddings.

At the interview hypertension.

He pointed out:

Currently, 30% Industry-Food apples, capsin

Abu Bakar in

Related Stories

Will Smith in Sharjah International Children's Film Festival jury panel

Sharjah International Children's Film Festival to kick off on October 23

SHARJAH: Are you a budding filmmaker

FRONT PAGE

GUIN Today

NASCO OFFICE HUNTER

GALLERY

PANORAMA

8 NASIONAL

TV3 tunggu keputusan Guan Eng, Rahman

KL bakal menu halal Olimpik

Jepun kaji guna khidmat kita sebagai tempaya pada 2020

PTPTN tidak kenakan riba kepada pelajar: Idris

MALAYSIA FRUITS FESTIVAL HELD

YOUR GAIT THE MA & INTER AGRICULTURE

BERNAMA.com

English | Malay | Mandarin | العربية | Español

ABOUT BERNAMA GENERAL POLITICS BUSINESS SPORTS FEATURES WORLD E-NEWSLETTER WEB TV ARCHIVED INFOGRAPHICS

Breaking News / Berita Terkini

Microfinance | Banking & Finance | Auto | Aviation | Maritime | Education | Property | Youth | eBiz

Previous Top Stories

Parliament Intelligence Operation To Identify Captives in Security Information Leak - Zaid

PM Banks On Dr Faiziah To Continue Humanitarian Mission

Kota Kuala Muda Flood Victims Increase To 74

Other News Headlines

Don't Believe Speculation, Jettor UMNO Assemblies Cuts Party's 50th Anniversary Celebrations 'Buy' Call On Seabirds Holdings - Business

TSG Inaugurates 1st Cycling Championship - Sports

Appreciating The Pool The Perangang Vay - Features

UN Conference On Housing, Sustainable Cities Kicks Off In Ecuador - World

Most Read News

Malaysia To Study Separation Of Internet From Public Sector Work Computers

Parliament Intelligence Operation To Identify Captives in Security Information Leak - Zaid

PM Banks On Dr Faiziah To Continue Humanitarian Mission

UN Conference On Housing, Sustainable Cities Kicks Off In Ecuador - World

Most Read News

Malaysia To Study Separation Of Internet From Public Sector Work Computers

Parliament Intelligence Operation To Identify Captives in Security Information Leak - Zaid

PM Banks On Dr Faiziah To Continue Humanitarian Mission

UN Conference On Housing, Sustainable Cities Kicks Off In Ecuador - World

Maiden Malaysia Fruits Festival In Oman Huge Success

PUTRAJAYA, May 23 (Bernama) — The maiden Malaysia Fruits Festival held in Carrefour, City Centre of Muscat, Oman last Saturday was a huge success as 3 million visitors turned up to sample almost 500kg of fruits.

In a statement, the Malaysia Embassy in Oman said the one-day promotion was organized by the Malaysia Agriculture Consul Office in Oman, in collaboration with the embassy.

Launching the event was H.E. Shahri Effendi Abd. Ghany, Ambassador of Malaysia to Oman, accompanied by H.E. Elias Michel Yazbeck, Vice President of Marketing, Carrefour and H.E. Abd. Aziz Sakiman, Malaysia fruit exporter from DRS Trading Sdn. Bhd. Also present were local importers, members of the diplomatic corps and the media.

The event was a great success, with a large turnout of visitors and a significant increase in the export of Malaysian agricultural products to the Middle East region.

The festival is organized by the Consulate General of Malaysia in Dubai.

Musa, who is bestowed the title "Food Ambassador for Kuala Lumpur" in Nov. 2014, will be conducting interactive demonstrations on how papaya, star fruit, dragon fruit, rambutan, mango, watermelon, jackfruit, pineapple, guava, rose apple, rock melon could be transformed into juice, jellies, salads, puddings.

At the interview hypertension.

He pointed out:

Currently, 30% Industry-Food apples, capsin

Abu Bakar in

MAHA 2016

Malaysia Agriculture, Horticulture & Agrotourism Show
1 - 11 Disember 2016, MAEPS Serdang



**NIKMATI MAKANAN
DAN HASIL PERTANIAN
TERBAIK MALAYSIA**

www.maha.gov.my



JUMPA KAMI

DI HALL C, MAEPS SERDANG. SEMPENA MAHA 2016!

Sempena Penganjuran Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2016 yang berlangsung pada 1 hingga 11 Disember 2016 di MAEPS Serdang, Bahagian Pasaran Antarabangsa turut menyediakan pavilion FAMA di Hall C. Selain FAMA, pameran ini disertai seramai lebih kurang 15 usahawan yang telah berjaya memasarkan pelbagai produk masing-masing ke seluruh dunia.


Sebagai tarikan pengunjung, FAMA turut menyediakan pelbagai perkhidmatan dan aktiviti sepanjang MAHA berlangsung. Antaranya:

- i. Sesi Pemadanan Perniagaan
- ii. Demo masakan dari chef tekenal
- iii. Sesi Taklimat Prosedur Eksport
- iv. Sesi perkongsian dan tip dari Usahawan Pengeksport yang telah berjaya
- v. Cabutan Bertuah!!
- vi. Kuiz Spontan!!
- vii. Jualan Promosi dan diskaun istimewa produk usahawan terpilih!
- viii. Pelancaran Buletin IGF
- ix. Bicara Kesihatan oleh Dr Yasmeeen

Bertemakan "Go International" pengunjung MAHA 2016 pastinya tertarik dan tidak akan melepaskan peluang untuk melawat pavilion Bahagian Pasaran Antarabangsa FAMA. Sudah tiba masanya FAMA memperkenalkan produk Malaysia ke persada dunia. ■



JOM 'LIKE'



IMBAS KOD DIATAS UNTUK TERUS KE
LAMAM FACEBOOK KAMI.

www.facebook.com/Bahagian-Pasaran-Antarabangsa-FAMA-143378016068536